

# BATTLESTAR GALACTICA CETUS MINAT ASTRONOMI

*Shahrin pupuk minat kaji bintang  
hingga bina balai cerap sendiri*



SHAHRIN Ahmad ketika mengadakan pengembaraan diluar negara.

# KARISMA

Oleh Aniza Zainudin

anizazainudin@hmetro.com.my

P enjelajahan manusia mencari planet baru selepas ‘rumah’ asal dirampas makhluk asing sehingga membawa kepada penemuan bumi dalam siri drama TV ‘Battlestar Galactica’ menjadi pencetus minat Shahrin Ahmad terhadap ilmu astronomi.

Pada usia 10 tahun, jurugambar dan jurubina perisian astronomi ini menunjukkan minat mendalam terhadap lapangan berkenaan meskipun pendedahan ketika itu terhad.

Berasal dari Petaling Jaya, Selangor, hampir setiap hari Shahrin mengunjungi kedai buku berhampiran kediaman sejurus tamat waktu persekolahan semata-mata ingin membaca buku serta majalah berkaitan alam cakerawala.


“Setiap hari saya ke kedai buku untuk membeli buku mahupun majalah dari luar negara bagi menganal lebih dekat ilmu astronomi. Sebagai pelajar, harga buku itu di luar kemampuan, jadi saya membacanya di sana.

“Kebanyakan buku berbahasa Inggeris dan banyak perkataan saintifik tidak diketahui, tetapi saya berpendapat lebih baik mempelajari perkara baru.

“Ini kerana perkataan pelik itu memberi pengetahuan baru kepada-



SHAHРИN Ahmad bersama kamera miliknya.



da saya walaupun tidak faham. Ia lebih baik daripada kita tidak mempelajari apa-apa,” katanya yang ditemui di kediamannya di Sri Damansara.

Menerima sokongan sepenuhnya daripada keluarga, lelaki berusia 40 tahun ini mengakui keluarganya pernah menghadiahkan teleskop mini sebaik menerima keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima.

Meskipun hadiah bersaiz kecil, ia memberi pengertian besar buat Shahrin, malah teleskop itu turut menjadi teman rapatnya setiap kali mengintai bintang di langit.


Selain itu, pemergian abangnya ke seberang laut untuk melanjutkan pengajian memberi manfaat kepada Shahrin apabila dia menerima bekalan majalah astronomi dari negara Barat setiap kali abangnya pulang ke tanah air.

Berpeluang ke United Kingdom untuk menziarahi abang pada 1988, pemilik blog Falak Online ini dihadiahkan sebuah lagi teleskop dan ia dijadikan modal buatnya membubuhkan kelab astronomi di Sekolah Menengah (L) Bukit Bintang.


“Ketika di tingkatan empat, minat terhadap bidang ini makin membuka-buka. Justeru saya giat mempromosi bidang astronomi kepada guru, sekali gus membutuhkan kelab astronomi.

“Sebenarnya menjadi cita-cita saya untuk menjadi ahli astronomi, sedangkan hakikatnya saya tidak terlalu memahami bidang itu kecuali kajian menggunakan teleskop.

“Selepas tamat pengajian di peringkat menengah, saya berhasrat mengambil program berkaitan astronomi namun hampa apabila tidak universiti menawarkan program berkenaan,” katanya yang turut



ANTARA hasil kerja jurugambar Astronomi, Shahrin Ahmad



aktif memberi ceramah berkaitan astronomi kepada pelajar sekolah di seluruh Malaysia.

Saranan bapa supaya berajarah mahasiswa Sains Komputer di Universiti Putra Malaysia diterima Shahrin dengan hati terbuka meskipun tidak meminati bidang berkenaan.

Aktif dengan Persatuan Pencinta Alam Malaysia, tanggungjawab sebagai pelajar universiti tidak menghalangnya untuk terus aktif dalam bidang astronomi.

Dihadiahkan sebuah teleskop bersaiz besar oleh bapanya membuatkan semangat dan cintanya terhadap keindahan alam cakerawala bercambah.

direkod menerusi gambar tidak seindah video rakaman, justeru lelaki ini menggunakan pendekatan penayangan video secara langsung di skrin yang berjaya mengikat hati peserta konvensyen.

Terbabit dengan penambahan beberapa balai cerap di Malaysia, lelaki dikenali dengan panggilan Shahgazer ini aktif membangunkan perisian integrasi peralatan astronomi menerusi syarikat miliknya, AstroTech Consulting & Services.

Pernah mengembawa ke Turki, Indonesia, China dan Australia sekitar 2006 dan terbaru tahun lalu, Shahrin mengagumi kecantikan fenomena gerhana matahari penuh



## PROFIL

**NAMA:** Shahrin Ahmad

**JAWATAN:** Ahli astronomi amatur dan penyelidik teknologi

**LAHIR:** 18 Februari 1974

**ASAL:** Petaling Jaya, Selangor

**ISTERI:** Mardiana Sulaiman

**ANAK:** Nur Alliya Sorfina (13), Nur Amyra Sorfina (11), Ikhwan Syahmi (8) dan Irfan Syahmi (3)

**KELULUASAN:** Sarjana Muda Sains Komputer Universiti Putra Malaysia

## TUMPU PERISIAN ASTRONOMI

### 1. Aktiviti masa lapang?

Saya suka membina perisian yang berkaitan astronomi.

### 2. Aktiviti bersama keluarga?

Bercuti pada cuti persekolahan.

### 3. Bintang kegemaran?

Alberio kerana bintang ini berpasangan dan tarikannya kedua-dua bintang ini mempunyai warna yang sangat kontra iaitu jingga dan biru.

### 4. Lokasi pencerapan kegemaran? Langit Australia.

### 5. Pendorong? Diri sendiri dan sifat ingin tahu.

### 6. Tokoh astronomi dikagumi?

Terry Lovejoy, berasal dari Brisbane, Australia yang membina sistem mengesan komet dan memiliki balai cerap peribadi.

### 7. Prinsip hidup?

Benda yang susah sebenarnya senang jika kita cuba mempelajarinya.

Dipertemukan pensyarah penyelia bagi kertas kerja tahun akhir, Prof Dr Zaidan Abdul Wahab, Shahrin didatangkan idea untuk menggabungkan minat dan ilmunya bagi projek akhir.

Mencipta perisian astronomi yang berfungsi mengira kedudukan bintang, projek akhir Shahrin mendapat perhatian pensyarah dan teman sekuliah.

Pada 2002, Shahrin mengakui penyertaannya dalam pembentangan kertas kerja berkaitan astronomi dalam satu konvensyen membuatkan dirinya mula dikenali masyarakat.

Kecantikan alam cakerewala yang

dan ia mengingatkan kembali kepada dirinya akan kekuasaan pencipta alam semesta.

Berkongsi perancangan jangka panjang, beliau yang memiliki balai cerap sendiri, Shahgazer Observatory ingin mencipta lebih banyak perisian berkaitan astronomi dengan yang terbaru, Deep Sky Hunter.

Selain itu, Shahrin mewujudkan sistem pendidikan secara interaktif berkaitan astronomi, sekali gus membuang persepsi negatif dalam kalangan generasi muda serta ibu bapa mengenai kesukaran bidang berkenaan.

